



# Ng Teck Huai

## terima Anugerah Pelajaran Diraja

Tekun, fokus dan memberi tumpuan yang penuh semasa kuliah adalah merupakan formula utama yang digunakan oleh penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jasa Cemerlang), Ng Tech Hui, 24.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu berkata, penyertaannya dalam aktiviti kokurikulum seperti sebagai Timbalan Presiden, Bab Pelajar UMP, Institut Jurutera Malaysia (IEM), Pengarah Pesta Tanglung 2012, IEM Industrial Sharing Forum-Future Challenges and Role of Young

Engineers 2015 dan lain-lain menyebabkan beliau mempunyai masa yang terhad untuk mengulang kaji pelajaran.

Anak kepada pasangan jurutera, Ng Chee Heong, 55 dan suri rumah, Yee Siew Chin, 50 itu memberitahu bahawa beliau perlu membahagikan masa dengan cekap agar tidak tercicir dalam pelajaran.

“Falsafah hidup yang saya pegang sehingga ke hari ini ialah jangan sekali-kali kita mudah berputus asa apabila menghadapi sebarang masalah,” kata anak kelahiran Johor Bahru ini.

Beliau adalah antara dua graduan yang menerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) yang disampaikan oleh Canselor UMP, Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Al-Haj Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta’in Billah pada 17 hingga 18 Oktober 2015 yang lalu.

Beliau yang kini bekerja sebagai Jurutera Proses di Lotte Chemical Titan (M) Sdn. Bhd. itu tidak menyangka akan menerima anugerah tertinggi itu.

“Saya hadiahkan anugerah ini buat kedua ibu bapa saya. UMP mempunyai ramai pensyarah yang berilmu dan fasiliti pembelajaran yang lengkap. UMP juga memberikan fokus terhadap *hands-on* praktikal yang banyak memberi manfaat kepada pelajar terutamanya semasa bekerja di industri,” jelas anak sulung dari tiga beradik ini sambil mengukir senyuman.